

4 produk PSA bantu usahawan IKS

Copeng - Politeknik

Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor menghasilkan empat produk

inovasi terbaru dalam usaha membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS). Inovasi berkenaan antara

16 projek Jaringan Penyelidikan Awaran Swasta (PPRN) dilaksanakan institusi itu setakat ini. Empat produk itu ialah mesin berdasarkan teknologi bagi memudahkan mempercepatkan penyediaan makanan iaitu pengisian pelbagai saiz aiskrim, mesin membuat perencah nasi go-


Tajuddin berkata, projek PPRN dapat menyelesaikan isu kekurangan teknologi yang tidak mampu ditangani usahawan, sekali gus mengembangkan perniagaan mereka.

"PSA terima 16 geran PPRN serta menyediap dan menyerahtarkan 12 produk kepada pemain industri. Selebihnya dua produk diserahkan kepada usahawan pada 22 Februari ini, manakala produk terakhir pada hujung tahun," katanya. Pada sidang media selepas merasmikan program berkemasan, semalam.

renceng, pembungkusan biskut kering dan acuan coklat.

Semua produk terabit di serahkan kepada empat usahawan IKS iaitu Mohd Jonaidi Othman, Lalida Mahnoh, Nurul Haiza Abd Aziz dan Zuliana Abd Munaim.

Penyerahan itu disempurnakan Pengarah PSA, Tajuddin Abdul Rashid dengan disaksikan oleh Pengarah Kanan (Akademik) Jabatan Pendidikan Politeknik, Azizi Lin, pada Majlis Penyerahan Produk PPRN 2017 PSA di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di sini, semalam.



PELAJAR PSA menunjukkan mesin memudahkan mempercepatkan penyediaan pelbagai saiz aiskrim pada Majlis Penyerahan Produk PPRN, semalam.

HARIAN METRO
16/02/2017